

**KERAJAAN NEGERI KELANTAN**

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN  
BILANGAN 9 TAHUN 2020**

**PELANJUTAN TEMPOH PEMBAYARAN CUKAI TANAH BERIKUTAN  
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN YANG DIUMUMKAN OLEH KERAJAAN  
PERSEKUTUAN EKORAN PENULARAN WABAK COVID-19**

---

Pekeliling ini dikeluarkan bertujuan untuk memaklumkan kepada Pentadbir-Pentadbir Tanah Negeri Kelantan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan dalam Persidangan Kali ke 10 tahun 2020 pada 10hb Mei 2020 telah menimbang dan bersetuju dengan cadangan pelanjutan tempoh pembayaran cukai tanah berikutan Perintah Kawalan Pergerakan yang diumumkan oleh Kerajaan Persekutuan ekoran penularan wabak Covid-19.

2. Sehubungan dengan itu, Pihak Berkuasa Negeri telah membuat keputusan untuk melanjutkan tempoh pembayaran cukai tanah tahun 2020 daripada tarikh 30 Jun 2020 kepada 30 September 2020, dan denda lewat akan dikenakan bermula 1 Oktober 2020.
3. Inisiatif ini diambil antara lain bagi memberi kemudahan dan kelonggaran kepada rakyat yang memiliki tanah di Negeri Kelantan yang telah terjejas punca pendapatan rentetan Perintah Kawalan Pergerakan supaya mereka dapat mengimbangi aliran tunai dan mengukuhkan kedudukan kewangan isi rumah. Selain itu, ia juga sebagai galakan kepada pemain industri untuk terus aktif walaupun terpaksa berdepan dengan keadaan ekonomi yang tidak menentu.
4. Pekeliling ini adalah berkuatkuasa serta merta dan Pentadbir-Pentadbir Tanah di seluruh Negeri Kelantan diminta untuk melaksanakan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Kali ke 10 tahun 2020 sebagaimana yang ditetapkan.



**DATO' SR. HAJI ZAMRI BIN HAJI ISMAIL, D.P.S.K.(Kelantan), K.M.N.**  
PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
NEGERI KELANTAN

**KEPADA:**

YBhg. Dato'/Yang Amat Berusaha  
Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan

**SALINAN KEPADA:**

1. YAB. Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar Kelantan
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar Kelantan
3. YB. Dato' Kaya Setia Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
4. YB. Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan
5. YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
6. YABrs. Pengarah Audit Negara Negeri Kelantan
7. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha Masjlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI KELANTAN  
BLOK 3, KOTA DARULNAIM,  
15576 KOTA BHARU,  
KELANTAN**

**NO. FAIL : PTG.KN.16/4/45  
BERTARIKH : 15 SYAWAL 1441H  
7 JUN 2020**